

**NO. SOALAN : 49**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 26 MAC 2015 (KHAMIS)**

**DATUK IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ [ TANAH MERAH ]**  
minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN  
KEPENGGUNAAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan yang  
dicatatkan dalam Ops Catut dan Ops Titik.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Ops Catut telah dilancarkan pada **14 Januari 2015** oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan objektif memastikan peniaga tidak mencatut dengan mengambil kesempatan menaikkan harga barang dan caj bagi perkhidmatan untuk membuat keuntungan tinggi yang tidak munasabah.

Operasi ini adalah satu tindakan penguatkuasaan gerak gempur secara terancang dan berfokus. Pemeriksaan dan pemantauan telah diperingkatkan ke atas keseluruhan rantaian pengedaran barang dan perkhidmatan di seluruh negara bagi menangani isu pencatutan berkaitan dengan GST dan pada masa yang sama merangkumi tindakan ke atas pihak yang mengeksplorasikan apa-apa keadaan untuk menaikkan harga secara tidak munasabah.

Tindakan penguatkuasaan adalah melalui **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** dan **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014.**

Sepanjang pelaksanaan **OPS CATUT sehingga 3 Mac 2015**, sebanyak **389,014** pemeriksaan telah dijalankan di seluruh negara ke atas semua peringkat perniagaan. Dari jumlah ini, sebanyak **2,039** kes telah dihasilkan dengan nilai rampasan sebanyak **RM 406,871.80** dan nilai kompaun sebanyak **RM 255,366.00**. Manakala di bawah **Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011** sebanyak **161 Notis** telah dikeluarkan terhadap peniaga yang menaikkan harga barang. Notis ini mewajibkan peniaga mengemukakan penjelasan dan

maklumat mengenai kenaikan harga dan ini merupakan satu langkah pengawalan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab dan memanipulasikan harga.

Pemeriksaan OPS CATUT juga melibatkan pemeriksaan pematuhan yang akan tertumpu kepada **pengauditan harga barang yang dijual dan rekod perniagaan syarikat**. Pemeriksaan pematuhan yang telah dijalankan sehingga 3 Mac 2014 adalah sebanyak 11 **pemeriksaan di peringkat pengilang, pengeluar dan pemborong**. Pada masa yang sama advokasi pematuhan juga telah diadakan dengan persatuan-persatuan peniaga dan syarikat pembekal barang utama.

Di bawah pelaksanaan Ops Titik 2014, Kementerian telah berjaya mematahkan **516 cubaan menyeleweng bahan petroleum bersubsidi** dengan keseluruhan rampasan dianggarkan bernilai **RM 24.36 juta**. Operasi ini telah memberi impak yang amat membanggakan di mana sehingga Disember 2014, kuantiti permintaan diesel yang ditanggung subsidi oleh Kerajaan telah dapat **dikurangkan sebanyak kira-kira 39%** berbanding permintaan sebelum Ops Titik dijalankan. Untuk tempoh 8 bulan tersebut iaitu dari Mei hingga Disember 2014, sebanyak **1.38 bilion liter diesel** dengan nilai subsidi dianggarkan mencecah **RM 426.4 juta** telah berjaya diselamatkan.

Di samping itu, masalah stock-out minyak diesel di stesen-stesen minyak yang sebelum ini berlaku pada setiap hujung bulan, kini tidak lagi berlaku walaupun kuota dikurangkan. Ini memberi gambaran bahawa 'kebocoran' diesel bersubsidi di stesen-stesen minyak yang disebabkan oleh aktiviti penyelewengan sudah berkurang dan dapat dikawal dengan berkesan.